



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

Keratan Akhbar

Berita Online

i

Berita
Online

24 JAM

BERITA

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 12 JUN 2024



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR **KPDN**

130,000 pesawah dapat insentif membajak, menuai

Selang dua hari harga diesel diapungkan menerusi pelaksanaan subsidi bersasar, kerajaan memberi berita gembira untuk ringankan beban 130,000 penanam padi di Semenanjung apabila menaikkan kadar insentif pembajakan serta pengenalan insentif penuaian berjumlah RM210 sehektar bagi setiap musim penanaman.

Oleh Mohamed Farid Noh dan Nur Izzati Mohamad → Nasional 3

**RM160**

Insentif pembajakan dinaikkan berbanding RM100 sehektar semusim sebelum ini

RMS0

Insentif baharu penuaian sehektar setiap musim

KPDN beri amaran syarikat penunda, pengeluar bahan binaan jangan ambil keuntungan berlebihan susulan kenaikan harga diesel

(Foto Wan Nabli Naibz/BH)

Penyasaran subsidi sudah dibincang sejak 25 tahun dulu

Anwar dedah semua PM terdahulu bersetuju, namun tidak dilaksana

foto: Muhib Nasaruddin/Pacu
bitnews@bh.com.my

Putrajaya: Dasar subsidi bersasar yang dilakukan kini pernah dibincang dan dipersentuh oleh pentadbiran negara sejak 25 tahun lalu, tetapi tidak dilaksana kerana ia tidak mudah dilakukan.

Malah, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim, semua Perdana Menteri terdahulu bersetuju perlu ada penyasaran subsidi, termasuk ketika beliau menjadi Menteri Kewangan.

Perdana Menteri berkata, namun bangkah itu tidak dilaksanakan kerana pimpinan ketika itu lebih memikirkan soal kesan politik, selain penyasaran subsidi ini sendiri tidak mudah dilaksanakan.

"Desar (penyasaran subsidi) baik. Semua Perdana Menteri dari dulu setuju meski ada penyasaran subsidi. Perkara ini dibincangkan ketika saya jadi Menteri Kewangan dulu."

"Lebih 25 tahun yang lalu sudah dibincangkan perlunya penyasaran subsidi, tetapi tak upaya dilaksanakan kerana (ia) tak mudah. Biasanya pemimpin politik ini dia fikir kesan kepada pimpinan."

"Apa pun kalau turik subsidi atau naikkan cukai memang membanskan itu pandangan politik," katanya berucap pada Majlis Perhimpunan Bulanan Kementerian Kewangan (MOF) di sini, semalam.

Hadir sama, Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azran.

Mengulas lanjut, Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, kerajaan yakin langkah diputuskan itu baik. Khususnya untuk memastikan subsidi negara hanya diberi kepada mereka yang layak.

Dalam pertimbangan kita okrajuan, kita sudah buat keputusan yang baik, iaitu semestara kita harus bantu rakyat majoriti, kita tak seharusnya beri subsidi kepada golongan maha kaya, industri besar dan orang asing.

"Bukan disarankan kepada



Anwar berucap pada Majlis Perhimpunan Bulanan Kementerian Kewangan di Putrajaya, semalam.

orang awam (tetapi) dilakukan kerana orang awam tak bayar cukai, cukai levi yang (ditambah) sangat kecil.

"Kita tetapi (setakta melaksanakan) dan dalam Jemah Menteri pun hampir setiap minggu mendapat Upatan dan perlumbangan untuk pastikan pelaksanaan (penyasaran subsidi) ini berlaku," katanya.

Justeru, Anwar berkata, belum menentui sejatah kritikan serta kecaman atas kesesuaian dibuat kerajaan dalam menyusun semula rekaan subsidi negara.

"Selain parti dalam Kerajaan Perpaduan, setakat ini hampir kenyataan daripada pimpinan PAS agak jumak, tidak menentang, hanya memantau, tanda masih keruas pembangkang bersamaan pentau pelaksanaan dan kita juga harus pentau."

"Oleh itu, kita harus taham langkah sebaiknya ialah memberi bantuan kepada yang berhak. Tanggungjawab pertama kita adalah kepada rakyat kita," katanya.

Sejak kemarin, media sesuai dipenuhi dengan kritikan netizen terhadap keputusan kerajaan menggunakan harga diesel.

Selain itu, Anwar juga berkata, penurunan RM1 bilion yang diraih menerusi penyasaran semula subsidi diesel akan dibelanjakan lagi menampung keperluan kos pengangkutan awam dan Sumbangan Tunai Rahmah (STR).

Katanya, kos bagi STR yang akan menambah sembilan juta penerima mencapai RM10 bilion.

"Wang (penyasaran subsidi) itu bukan untuk naikkan ekoran menteri atau Kementerian lain-

penyasaran subsidi ini untuk pastikan ia tidak diberi kepada maha kaya dan warga asing."

"Sekarang, diesel sebahagiannya untuk menampung keperluan pengangkutan awam, pengangkuhan rakyat, selahagiannya untuk tamadah suntikan tunai rabbah."

"Sekiranya Sumbangan Asas Rabbah (SARA) naik daripada RM300 kepada RM700 Bayangkan STR untuk sembilan juta orang yang (dapat) diberi cash subsidi, itu (jumlahnya) RM10 bilion," katanya.

"Ini langkah ketiga terbesar. Pertama tarif elektrik, kurang kontroversi kerana kita selamatkan 65 peratus rakyat, ia berkenaan hanya kepada golongan tertinggi 15 peratus lewat dan warga asing yang kita dapat Jimatkan RM4.5 billion setahun."

"Pengapungan (harga) ayam membuatkan belanja RM1.3 bilion setahun. Bayangan dari zaman dulu, setiap kali menjadang musim perayaan mesti naik harga barang, maka kita beri subsidi untuk sederhanakan harga," katanya.

Perdana Menteri berkata, langkah kerajaan mengapungkan harga ayam misalnya, menyatakan tindak kenaikan mendadak sepanjang musim perayaan lalu.

Pada masa sama, katanya kerajaan akan memantau tahap inflasi keseharian daripada pengumuman penyasaran subsidi ini bagi memastikan rakyat memerlukan terhadap golongan rendah tidak terberhu.

Ahad lalu, kerajaan mengumumkan harga diesel akan di selaraskan mengikut pasaran semasa berlaku semalam, dengan harga perunitan di semua stesen petrol di Semenanjung di tetapkan pada RM1.25 seliter.

Pantau kesan hiliran tangani impak pengapungan harga diesel

Sejak subsidi bersasar diesel dilaksanakan di Semenanjung kelebihan, ternyata pelbagai maklum balas, pandangan dan pendapat bercampur-baur berteburan di pelbagai platform media, terutama media sosial.

Apa yang jelas penetapan kadar harga diesel pada RM3.35 selaras dengan rasionalisasi harga bahan api ditafsirkan sebagai langkah tidak popular tetapi perlu bagi menjamin kelestarian perbelanjaan negara seperti ditekanan Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Lazimnya, pelaksanaan dasar baharu berkaitan subsidi bahan api akan disusuli dengan tindakan awalan dan kawalan daripada kerajaan bagi memastikan tanggah terbaik tidak membebankan pengguna, selari dengan dasar rasionalisasi harga bahan api.

Namun, dari sudut ekonomi, rasionalisasi subsidi diesel ini juga mempunyai pelbagai kesan hiliran yang perlu dikaji dengan teliti untuk memastikan kebijakan rakyat terjaga dan kestabilan ekonomi terjamin.

Antara kesan hiliran perlu dikaji adalah kenaikan kos pengangkutan kerana syarikat atau industri pengangkutan tidak mempunyai pilihan lain dan terpaksa menyertip kenaikan harga diesel dengan memindahkannya kepada pengguna.

Apabila kos pengangkutan barang dan penumpang meningkat, ia akan menyebabkan kenaikan harga barang, makanan serta perkhidmatan, sekali gus bakal menambah beban kos sara hidup ditanggung B40 dan M40.

Walaupun kerajaan memperkenalkan program Budi MADANI ia disaraskan untuk membantu 30,000 pemilik kendaraan diesel kategori B40. Jaminan kerajaan ketika ini adalah memanusiakan dan mengawal kenaikan harga barang secara tidak melampau oleh peniaga.

Namun, langkah baharu patut diwujudkan untuk memangani kenaikan kos pengangkutan. Langkah mitigasi ini amat kritikal bagi mengawasi dan mengawal harga barang keperluan asas melalui mekanisme pengawalan harga serta pemberian bantuan tunai bersasar kepada golongan berpendapatan rendah dan sederhana.

Impak pengapungan harga diesel ini juga dilaporkan bakal mempengaruhi kos dalam sektor pengeluaran dan pertanian, iaitu kenaikan kos operasi terutama jentera, tanaman dan penuaan, kos input, mengurangkan margin keuntungan dan menyebabkan kenaikan harga produk akhir.

Justeru, insentif dan bantuan kepada pengeluar serta petani yang bakal diberikan kelak perlu dipastikan bebas daripada ketirisan kerana sebelum ini pun, banyak elemen penyelenggaraan melanda industri pertanian negara khususnya subsidi bahan dan input.

Pengapungan harga diesel juga bakal menimbulkan kesan sosial dan kesejahteraan kepada rakyat terutama meningkatkan kos sara hidup yang akan menyebabkan tekanan kewangan serta menjadikan kesejahteraan mental dan fizikal rakyat.

Justeru, kerajaan perlu agresif menyediakan program sokongan sosial dan kesihatan mental untuk membantu individu terjejas walaupun bantuan bersasar seperti Sumbangan Tunai Rahmah (STR) serta Sumbangan Asas Rahmah (SAR) dilaksanakan.

Apa yang penting, kerajaan dapat memahami sepenuhnya kesan hiliran susulan pengapungan harga diesel dan melaksanakan langkah mitigasi bersesuaian untuk memastikan kebijakan rakyat terpelihara serta memperkuatkan kewangan negara.

130,000 pesawah akan terima bantuan tunai RM210 sehektar

Kadar insentif membajak, menuai bagi setiap musim penanaman dinaikkan

Oleh: Mohamed Faizal Noor dan Nor Izani Mohamed

Kuala Lumpur: Setakat 130,000 pesawah di Semenanjung akan menerima bantuan tunai berjumlah RM210 sehektar bagi setiap musim penanaman menerusi kelebihan kofa insentif pertanian serta pengelaran insentif pemutihan.

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) dalam kenyataan semalam, mengatakan hadiah tunai pembaharuan dimaksudkan daripada RM100 sehektar untuk setiap musim kepada RM210 sehektar bagi setiap musim.

"KPKM turut memperkenalkan insentif baharu, iaitu insentif pemutihan pada kadar RM50 sehektar bagi setiap musim," katanya kenyataan itu.

Menurut KPKM, keputusan itu dibuat 27 Mei lalu yang turut menyaksikan subbid diesel kepada sejagat dilaksanakan.

Bagi sejagat, kerajaan akan turut memberikan subbid diesel pada harga EM1.50 sejliter kepada ahli koperasi peniqlik, vesel perikanan Zon A, B dan C tertakluk kepada

kofa yang ditetapkan.

Manakala bagi pesawah, kerajaan sudah menaikkan kadar Skim Subbid Harga Podi (SSH) daripada RM300 juta kepada RM500 juta bagi tahun 2023.

Selain bantuan tunai kepada pengusaha sektor pertanian, kerajaan melalui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Saraw Hidup (KPDN) turut membantu syarikat sektor pertanian dengan pemberian float card diessel secara bebas. Ia pada kemaslahatan pengangkutan yang layak di bawah Sistem Kawalan Diesel Subsid (SKDS) 2.0 seperti lotrig basi pertanian dan lotrig ringan khas hidupan harian.

Kementerian Kewangan pada 27 Mei lalu turut mengumumkan pelaksanaan Program Bantuan Subbid MADANI (BUDI MADANI), termasuklah kategori BUDI Agri-Kemoditi kapasiti pertanian, pemerkasa dan pengusaha agroakultur yang bersejajarnya.

Lebih 30,000 individu, petani dan pekerja kecil komoditi akan menerima bantuan subbid tunai BUDI MADANI sejumlah RM210 bermula Januari lalu, bagi memantau menggunakan teknologi kemaslahatan kos saraw hidup.

Sebanyak 30,000 pemohonan yang diluluskan itu melalui tiga tahap bantuan BUDI MADANI akan menerima wang subbid tersebut melalui akaun bank perusahaannya.

Harga diesel di sejauh tiga senarai runcit Semenanjung ditetapkan pada kadar RM1.25 sejliter bermula Januari lalu, iaitu harga pasar tanpa subbid berdasarkan parata bulan Mei 2024 mengikut formula Mekanisme Harga Automatik.



Mohamed mewakili Program Libat Urus Berjamin Pimpin Pada Pilai sempena Majlis Persaraan dan Nurzazah wakilnya

Mohamed Sata berkata pihaknya menyedari terdapat kekeliruan dan salah faham berhubung pemberian subbid diesel dalam kalangan petani.

"Oleh itu, kementerian saya dan Kementerian Kewangan akan turun tangan dan memberi penjelasan berhubung subbid diesel ini, malah Menteri Kewangan II (Datuk Seri Amir Hamzah Azman) sendiri turun merau (hanya tempat) selaras itu memberi penerangan.

"Penerangan itu juga ditakluk video untuk disampaikan kepada semua pihak termasuk petani. Perkara ini benda baru yang diperkenalkan di Malaysia yang dipanggil subbid bersasar, bukan diluang subbid itu," katanya selepas menghadiri Program Libat Urus Berjamaah Pimpin pada Pilai Persaraan Mesyuarat Agong Tahunan Persekutuan Pelabuh Kawasan (PPK) Taek, di sini, semalam.

Polis perketatkan kawalan sempadan Perlis-Thailand

Kangar: Polis terus memperketatkan kawalan di negeri ini, khususnya di sempadan Perlis-Thailand dan perairan sekitar bagi membanteras penyeludupan keluar diesel yang mungkin dilakukan secara skala besar dari segi kuantiti untuk memaksimumkan keuntungan.

Ketua Polis Perlis, Datuk Muhammad Abdul Halim berkata walaupun harga apungan diesel RM3.35 seliter hampir sama dengan harga jualan di negara jiran, polis tidak boleh menganggap ia akan menghentikan kegiatan penyeludupan ke luar.

"Meskipun margin keuntungan semakin mengcil, untung tetap ada."

"Polis percaya selepas ini sindiket penyeludupan diesel dan petrol akan beroperasi dalam kuantiti lebih besar untuk pastikan keuntungan maksimum. Oleh demikian, kita tidak akan 'duduk diam'."

"Kita sentiasa mempergiatkan operasi membanteras penyeludupan diesel dan petrol ke negara jiran, termasuk bekerjasama dengan agensi lain seperti Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Saraw Hidup (KPDN) dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Perlis di sem-

padan," katanya.

Menjelaskan demikian selepas Majlis Penyampaian Pingat Jasa Pahlawan Negara (PJPN) Secara Tanpa Istiadat Kontinjen Polis Perlis Tahun 2024, di sini semalam, kata dia, sebelum penyasaran subsidi diesel juga, pihaknya berjaya membanteras penyeludupan bahan itu, terutama di sempadan Malaysia-Thailand.

"Operasi yang dilaksanakan tidak hanya bertumpu di darat, tetapi juga di laut menerusi kerjasama dengan agensi berkaitan."

"Di laut, ada Polis Marin dan juga kolaborasi menerusi operasi bersama dengan Agenси Pengawal Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) serta Jabatan Perikanan negeri."

"Kita tidak mahu komoditi ini diambil kesempatan oleh sindiket dengan menyeludupnya untuk digunakan di negara jiran pulak," katanya.

Terdahulu, Muhammad merai dan menyampaikan PJPN kepada 84 bekas polis serta wakil atau waris mereka.

Kumpulan berkenaan pernah berkhidmat dalam perkhidmatan polis semasa zaman darurat dan konfrontasi serta berkhidmat sebagai anggota Home Guard pada era darurat.



Muhammad
Abdul Halim

Penyasaransubsidi diesel

Notis tindakan jika ada pihak naikkan harga perkhidmatan

KPDN laksana penguatkuasaan di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011

Oleh Saifeek Alfessdy Razali dan Ilyza Marissa Iskandar
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Saraw Hidup (KPDN) memberi perhatian serius terhadap kenyataan disebarkan pihak industri yang mahu menaikkan harga perkhidmatan mereka susulan penyasaransubsidi diesel yang berkuat kuasa kelmarin.

Serentak itu, kementerian tidak teragak-agak mengehuarkan notis tindakan kepada mana-mana industri, termasuk syarikat penunda kenderaan dan pengeluar konkrit, sedangkan dua perkhidmatan itu sememangnya tidak layak mendapat subsidi diesel.

Timbalan Menteri KPDN, Fuziah Salleh, berkata tindakan boleh diambil mengikut Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan (AKHAP) 2011.

"Mereka mesti berhati-hati

apabila menaikkan harga (perkhidmatan), jika tidak, mereka mungkin dianggap mengaut keuntungan. Kementerian tidak akan teragak-agak untuk ambil tindakan di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan."

"Buat masa ini, subsidi diesel hanya untuk perkhidmatan lori dan trak yang membawa keperluan asas," katanya ketika dihubungi NST semalam, sambil menambah ketika ini kementerian sedang menyiasat aduan pencatutan oleh pengeluar konkrit.

Terdahulu, sebuah portal berita melaporkan syarikat penunda kenderaan dan pengeluar konkrit menaikkan harga bahan api berikutkan kenaikan harga diesel kepada RM3.35 seliter daripada RM2.15.

Sebanyak 23 jenis kenderaan berenjin diesel layak bagi Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi 2.0 (SKDS 2.0) menggunakan 'Fleet Card' yang dijangka memanfaatkan kira-kira 410,000 kenderaan.

PENGARAH
Sementara itu, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Saraw Hidup, Datuk Armizan Mohd Ali dalam satu kenyataan kemudian,

berkata KPDN sedang melaksanakan Ops Kesan 2.0 sejak 8 Jun lalu bagi memantau aduan disalurkan melalui platform yang disediakan.

"Penguatkuasaan akan dilaksanakan berpandukan Peraturan-Peraturan Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011," katanya menambah, berdasarkan kenyataan yang tular di media sosial, KPDN akan turut membuat siasatan segera meliputi dua aspek.

Bagi sektor yang tidak termasuk dalam 33 jenis pengangkutan awam dan barang di bawah SKDS seperti perkhidmatan tunda kenderaan dan penghantaran barang binaan, katanya, KPDN akan mengeluarkan notis kepada pihak-pihak terbabit.

"Serhan notis akan dilaksana di bawah Seksyen 21 AKHAP 2011 untuk memastikan tidak berlaku pelarasan harga yang mempunyai elemen pencatutan," katanya.

Bagi sektor industri seperti pembinaan yang sememangnya sejak dulu tidak layak guna diesel subsidi sebelum penyasaransubsidi dilaksanakan pada 10 Jun lalu, beliau berkata, KPDN akan menyiasat alasan mereka perlu menaikkan harga perkhidmatan sekarang.



Fuziah Salleh

'Tambang bas sekolah tak wajar naik'

Georgetown: Tambang bas sekolah tidak seharusnya naik mewajahkan Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS) 1.0 bagi komuniti pengangkutan awam darat kekal RM1.88 setliter, kata Menteri Pengangkutan, Anthony Loke.

Ketetapan itu juga, katanya, terpakai kepada pengusaha bas ekspres yang tidak boleh sesuka hati menaikkan kadar tambang, sebaliknya memerlukan kelulusan Agenzia Pengangkutan Awam Darat (APAD).

"Subsidi diesel turut diberikan kepada pengusaha bas ekspres dan bas sekolah. Maksudnya, mereka tak ada kesan dari segi kenaikan harga diesel sebab sudah sedia terima subsidi, tidak ada perubahan dari segi itu."

"Jadi apa yang mendorong me-

reka hendak menaikkan harga kainu soal ini (kenaikan harga diesel) digunakan sebagai alasan," katanya kepada pemberita selepas Mesyuarat Pegawai-Pegawai Pengangkutan ASEAN ke-57, di sini semalam.

Loke berkata, meskipun Kerajaan tidak mengawal kadar tambang bas sekolah, pengusaha seharusnya mengadakan perbincangan dengan Persatuan Ibu Bapa dan Guru dan kementeriannya sedia membantu untuk meringankan beban pihak terbabit.

"Kita galakkan perbincangan di antara pengusaha dan PIBG. Memang saya tahu ada juga kekangan dan cabaran kepada mereka (pengusaha bas) dan kita cuba baritu dari pelbagai sudut untuk meringankan beban me-

reka," katanya.

Dalam pada itu, beliau berpendapat, kos pelancongan di negara ini cukup kompetitif, sekali gus kerajaan tidak menyediakan subsidi diesel untuk perkhidmatan bas persiaran kerana ia membabitkan sektor swasta.

"Ini kita kena faham, kalau bas persiaran, tujuannya untuk pelancongan, untuk pelancong asing, bukan untuk kegunaan harian. Jadi kita tak (beri) subsidi untuk sektor pelancongan. Kos pelancongan di negara kita memang cukup kompetitif."

"Mungkin ada kesan sedikit dari segi perniagaan, (peningkatan) kos untuk pelancong asing itu saya rasa boleh diterima sebab ia untuk pelancong asing," katanya.

Penjimatan subsidi diesel mampu bina 130 buah klinik atau 40 buah sekolah

Apa boleh dibuat dengan RM4 billion?

Oleh JUANI MUNIR ABU BAKAR
juani.bakar@mediamalaysia.com.my

PETALING JAYA: Penjimatan sebanyak RM4 billion hasil daripada penyasaran subsidi diesel berkuat kuasa kelmarin boleh digunakan untuk pelbagai manfaat untuk rakyat, contohnya membina 130 buah klinik kesihatan di seluruh negara.

Pembinaan sebuah klinik

kerajaan dianggarkan menelan belanja sekurang-kurangnya RM30 juta sekali gus dapat meningkatkan mutu kemudahan kesihatan di samping menuhi sasaran nisbah satu doktor kepada 400 pesakit.

Nilai penjimatan berkenaan juga boleh digunakan untuk membina sekurang-kurangnya 40 buah sekolah ke arah menangani isu sekolah padat.

Dalam Belanjawan 2024, kerajaan memperuntuk RM2.5 billion untuk 26 sekolah baharu di seluruh negara.

Malah lebihan penyasaran subsidi diesel dapat diberlanjutkan untuk membina sebuah lagi loji rawatan air (LRA) di Lembah Klang seperti LRA Sungai Rasau di Banting yang menjadi loji paling besar dan termaju di Asia Tenggara dengan kemam-

puan menghasilkan bekalan air bersih sebanyak 1,400 juta liter sehari (OLH).

Pada masa sama, RM4 billion berkenaan boleh diberlanjutkan untuk menambah baik kemudahan pengangkutan awam di Kuala Lumpur dan Selangor yang kini digunakan lebih sejuta penumpang dalam sehari.

Bersambung di muka 2



Isi minyak

SEORANG pemandu jengkut mengisi diesel ke dalam jenteranya di sebuah stesen minyak di Jalan Kantan, Ipoh, Perak semalam. Berikut pengumuman pelaksanaan penyasaran subsidi di Semenanjung Malaysia yang bermula semalam, bahan api itu kini dijual pada harga RM3.35 setliter berbanding RM2.15 sebelum ini. - UTUSAN/MUHAMAD NAZREEN SYAH MUSTHAFA

Apa boleh dibuat dengan RM4 bilion?

Dari muka 1

Pakar ekonomi Universiti Tun Abdul Razak (UniRazak), Prof Emeritus Dr Barjoyai Bardai berkata, penjimatan subsidi diesel itu mempunyai matlamat serempang dua mata iaitu mengecilkan lagi defisit fiskal kepada tiga peratus menjelang 2026 dan memfokuskan penyaluran dana awam untuk kumpulan memerlukannya.

Katanya, meskipun kerajaan sebelum ini mengumumkan penjimatan RM4 bilion itu untuk digunakan menampung semua bantuan rakyat, namun pada masa sama boleh disalurkan bagi tujuan sektor kesihatan dan pendidikan.

"Misinya Perdana Menteri memaklumkan RM4 bilion yang diraih menerusi penyasar semula subsidi diesel akan dibelanjakan bagi menampung keperluan kos pengangkutan awam dan Sumbangan Tunai Rahmah (STR). Namun saya berpendangan ia boleh diperluas untuk tujuan lain selepas penyasar semula subsidi secara menyeluruh kelak.

"Bagaimanapun rakyat bakal menerima tempias manfaat ini bukanlah dalam masa terdekat, tetapi sekurang-kurangnya pada tahun depan," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Penyasar semula subsidi diesel adalah langkah ketiga dilaksana kerajaan bagi menstruktur semula agihan subsidi negara, selepas tarif elektrik dengan penjimatan RM4.5 bilion dan pengapungan harga ayam dan telur RM1.2 bilion.

Perkembangan itu menyaksikan harga diesel di semua stesen runcit petrol di seluruh Semenanjung Malaysia ditetapkan pada kadar RM3.35 seliter bermula Isnin lalu.

Sebelum ini, harga diesel dijual pada empat harga yang



**Penjimatan
subdasi diesel
itu mempunyai
matlamat
serempang
dua mata iaitu
mengecilkan
lagi defisit fiskal
kepada tiga peratus
menjelang 2026
dan memfokuskan
penyaluran
dana awam
untuk kumpulan
memerlukannya."**

DR. BARJOYAI BARDAI

berbeza mengikut subsidi iaitu RM1.65 seliter bagi nelayan; pengangkutan awam darat (RM1.88 seliter); kenderaan komersial dan persendirian (RM2.15 seliter) dan harga pasaran tanpa subsidi bagi sektor komersial yang pernah mencécah RM3.60 awal tahun ini.

Ketika ditanya waktu sesual pelaksanaan penyasar semula subsidi menyeluruh, Barjoyai berkata, pengapungan harga petrol tidak akan dilaksanakan dalam masa terdekat di samping belum percaya bahawa kerajaan akan melihat keberbasilan projek nintis bahan api diesel.

Katanya, kerajaan kini dilihat berhati-hati untuk melaksanakan penyasar semula subsidi dengan dibuat secara berperingkat kerana tidak mahu ia

terlalu drastik sehingga mempengaruhi kesan berganda terhadap kenaikan harga barang dan kos sara hidup.

"Kita tahu selepas pengapungan harga diesel bermula Isnin lalu, sudah ada peningga menaikkan harga. Namun kita tidak boleh menyalahkan mereka, kerana Malaysia mengamalkan pasaran terbuka untuk berbuat demikian.

"Sebaliknya para peniaga tidak boleh melakukan pencututan harga dan ia dilawati oleh undang-undang," katanya.

Dalam pada itu, pakar ekonomi, Datuk Dr Nungsari Ahmad Radhi berkata, antara matlamat lain penyusunan semula subsidi diesel adalah untuk membasmi penyaludupan yang dibawa keluar ke negara lain memandangkan harga bahan api itu di Malaysia adalah antara terendah.

Katanya, keputusan tersebut bukan sahaja dapat membasi ketirisan malah tidak memberi 'keuntungan atas angin' terhadap pihak tertentu yang sewenang-wenangnya mencari peluang.

"Penyaludupan akan terhenti jika penyasar semula subsidi dilakukan yang bermakna tiada subsidi untuk diesel dengan harga pam akan naik mengikut harga pasaran," katanya.

Nungsari berkata, selain golongan B40 dan M40, penyasar semula juga melibatkan kumpulan tertentu seperti nelayan, bas sekolah, syarikat pengangkutan yang masih menerima limbuhan tunai sekali gus menjadikan kos diesel mereka lebih rendah daripada harga pasaran.

"Jadi tiada sebab mengapa harga bas sekolah sebagai contohnya kena naik harga kerana pengusaha bas menerima tunai yang merupakan subsidi untuk kos dieselnya. Begitu juga bas biasa atau pun jori pengangkuhan," katanya.



KENDERAAN pikap dari negara jiran semakin kurang mengisi minyak di stesen minyak sebelah Kelantan sejak penarikan subsidi diesel berkuat kuasa kelmarin.

Penyasaran subsidi diesel buat penyeludup 'berehat'

Oleh YATIMIN ABDULLAH dan ROHANA ISMAIL
utusannews@mediamulia.com.my

RANTAU PANJANG: Penyasaran subsidi diesel bermula kelmarin membuatkan penyeludup bahan bakar itu berehat daripada melakukan aktiviti penyeleweng ke negara jiran.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, seorang penyeludup yang mahu dikenali sebagai Mad, 42, berkata, langkah itu menyaksikan permintaan terhadap bahan bakar yang diseludup tersebut menurun.

Menurutnya, hal ini kerana diesel seludup hampir setara dengan harga yang dijual di negara jiran.

"Buat masa ini tauke-tauke minyak 'pening' kepala memikir perka-ra tersebut. Sebelum penyasaran subsidi diesel tauke akan mendapat untung berlipat kali ganda."

"Namun, sejak semalam pendapatan mulai menyusut kerana untung makin mengecil. Lagipun harga diesel akan mengikut pasaran semasa dan tidak lagi terikat seperti sebelum ini iaitu RM2.15 seliter," katanya.

Seorang lagi penyeludup

yang mahu dikenali sebagai Sen, 50, memberitahu, dia tidak menolak kemungkinan penyelewengan petrol akan meningkat selepas ini.

Katanya, hal ini kerana kerajaan masih lagi memberikan subsidi untuk petrol walaupun harga pasaran sebenarnya lebih tinggi.

"Bagaimanapun, permintaan diesel sebenarnya lebih tinggi berbanding petrol kerana penduduk Thailand menggunakan trak pikup."

"Apabila ada permintaan, jadi kami sedia memenuhiinya," ujarnya.

Kadar tambang bas tidak patut naik - Anthony Loke

GEORGE TOWN: Pengusaha bas ekspres, bas sekolah atau bas persiaran tidak sepatutnya meningkatkan kadar tambang susulan penyasarannya subsidi diesel di Semenanjung.

Menteri Pengangkutan, Anthony Loke Siew Fook berkata, ini kerana subsidi diesel itu terus diberikan kepada pengusaha terhadap sekali gus menyiasalakan mereka tidak terkenan dengan penyasarannya subsidi bahan api yang diumumkan oleh kerajaan itu.

"Mereka tidak ada kesan dari segi kenaikan harga diesel sebab pengusaha bas sekolah, bas ekspres ini sudah sedia terima subsidi," katanya dalam sidang akbar selepas mehamkan Mesyuarat Pegawai Kanan Pengangkutan ASEAN Ke-57 (STOM), di sini semalam.

Anthony mengulas kerunginan kiraan berlaku kenaikan tambang bas ekspres, bas sekolah

dan bas persiaran selepas pengumuman kenaikan harga selter di Semenanjung yang melebihi 50 peratus.

Susulan kenaikan itu, pengguna kenderaan perlu membayar harga baru minyak diesel sebanyak RM3.35 selter berbanding harga lama RM2.15 selter di semua stesen runcit.

Mengulas lanjut, Anthony berkata, pengusaha bas ekspres dan bas sekolah juga diberikan subsidi diesel menerusi kad fleet dienel bersubsidi di bawah Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDB).

"Jadi apa yang mendorong mereka (pengusaha bas ekspres dan bas sekolah) menaikkan harga tambang? Itu tidak patut berlaku."

"Kita tidak kawal harga (tambang) bagi bas sekolah, cuma, kita galakkan perbincangan antara pengusaha bas itu de-

ngan pihak Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG)," katanya.

Menurut beliau, kuarat tambang bagi bas ekspres bagaimanapun tidak boleh dimaklumkan sesula hati kerana ia di bawah sellaan Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD).

Sementara itu, mengulas mengenai tira-tira kenaikan harga tambang bas persiaran pada, Anthony berkata, bas tersebut adalah untuk kegunaan pelancong singgah dan ia adalah untuk tujuan pelancongan.

"Pelancongan ini untuk pelancong asing, bukan untuk kegunaan harian; jadi, tidak ada subsidi untuk seluruh pelancongan."

"Kos pelancongan di negara kita memang cukup kompetitif. Mungkin ada sedikit kenaikan kos untuk pelancong asing, namun, saya rasa ia boleh ditiru untuk pelancong singgah," katanya.



ANTHONY Loke Siew Fook (tengah) ketika bertemu dengan pengunjung pameran sempena Mesyuarat Pegawai Kanan Pengangkutan ASEAN Ke-57 (STOM) di Pulau Pinang, semalam.

Diesel Malaysia masih murah berbanding Thailand

Oleh ASYRAF MUHAMMAD

utusannews@mediamulia.com.my

PADANG BESAR: Pejabat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN) negeri tidak menolak kemungkinan penyeludupan diesel di sempadan terus aktif kerana harga terkini bahan api itu masih murah berbanding Thailand.

Pengarahnya, Norazah Jaapar berkata, jika dilihat pada harga apungan diesel, Malaysia masih antara negara yang rendah di dunia termasuk berbanding negara jiran Thailand dengan beza antara 80 sen sehingga RM1.

Justeru, menurut beliau, KPDN terus komited melaksanakan pemeriksaan dan pemantauan menerusi Op Tiris 3.0 selepas penyasarannya subsidi tersebut.

"Menerusi pelaksanaan ini,

kita menjangkakan mungkin masih ada kegiatan penyeludupan diesel kerana dilihat pada harga apungan itu, Malaysia masih antara yang terendah," katanya.

Harga diesel di semua stesen runcit petrol di seluruh Semenanjung Malaysia ditetapkan pada kadar RM3.35 seliter bermula semalam.

Kenaikan sebanyak RM1.20 seliter itu, bagaimanapun boleh berubah setiap minggu mengikut harga semasa.

Penyasararan subsidi diesel ini dilaksanakan serentak dengan bantuan bersasar untuk sektor logistik di bawah sistem kawalan diesel bersubsidi (SKDS).

Sementara itu, tinjauan di beberapa lokasi sekitar kawasan ini mendapati, jumlah kenderaan asing yang melakukan pengisian diesel berkurangan,

kemungkinan disebabkan penguatan kuasaan.

Sebagai rekod, dua stesen minyak tanpa subsidi untuk warga asing turut beroperasi di negeri ini iaitu di Padang Besar dan Wang Kelian.

Sementara itu, seorang pengusaha kedai runcit dikenali sebagai Ehsan, 54, berkata, keadaan di beberapa stesen minyak sekitar di sini dalam keadaan terkawal susulan pelaksanaan penyerasan subsidi oleh kerajaan itu.

Katanya, dapat dilihat kenderaan asing juga tidak banyak membuat pengisian diesel di stesen-stesen minyak berbanding daripada hari kebiasaan.

"Situasi ini berkemungkinan disebabkan oleh penguatan kuasaan ketat dilakukan pihak berkuasa pada hari pertama pelaksanaan penyasararan subsidi diesel tersebut," katanya.



HUI YING (tengah) ketika melancarkan Forum Dasar Cukai Malaysia ke-4 di Putrajaya semalam.

MOF bakal beri penerangan terperinci

Fleet card SKDS ada had isian liter

Oleh MOHD. HUSNI MOHD. NOOR

PUTRAJAYA — Kementerian Kewangan (MOF) mengesahkan terdapat had atau kuota isian liter bagi 'fleet card' membabitkan 33 jenis kendaraan pengangkutan awam dan barangang di bawah Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS).

Timbalan Menteri Kewangan, Lim Hui Ying berkata, had itu akan ditetapkan dalam kapasiti liter dan bukannya berdasarkan amaun.

Bagaimanapun, katanya, pengumuman terperinci mengenai perkara itu akan dibuat oleh Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan kelak.

"Memang ada had isian liter dan bukannya berdasarkan amaun. Saya fikir biar Menteri Kewangan II umumkan. Buat masa ini, had tersebut masih

ketika ditemui selepas menyampaikan ucaptama pada Forum Dasar Cukai Malaysia ke-4, di sini semalam.

Bermula kemarin, harga diesel di semua stesen runcit petrol di Semenanjung ditetapkan pada kadar RM3.35 seliter.

Pelarasan harga pasaram diesel tanpa subsidi itu terpakai di seuruh Semenanjung dan tetapan harga pula dibuat secara ringguhan berdasarkan mengikut formula Mekanisme Harga Automatik (APM).

Sebelum ini, sejumlah 33 jenis kendaraan pengangkutan awam dan barangang akhir terus menikmati diesel bersubsidi melalui penggunaan 'fleet card' SKDS biarpun harga baharu diesel ditetapkan pada kadar RM3.35 seliter.

Ini bermakna sektor pengangkutan awam darat akan terus

pada RM1.88 seliter, manakala kenderaan pengangkutan barangang darat pula bakal menikmati harga RM2.15 seliter.

Ditanya rungutan orang ramai mengenai bantuan RM200 Program Bantuan Subsidi Madani (Budi Madani) yang tidak mencukupi, Hui Ying berkata, kijian telah dibuat dan bantuan itu dilahir mencukupi.

Katanya, buat masa ini, jumlah bantuan Budi Madani itu akan dilokalkan, namun jika ada maklum balas pada masa depan ia akan dikaji semula.

Sebelum ini, pelbagai rungutan dikongsi orang ramai di media sosial bahawa bantuan tunai RM200 itu tidak mencukupi.

Budi Madani menyediakan subsidi bantuan tunai RM200 kepada isi rumah yang menggunakan kendaraan diesel sama ada bagi kategori individu maupun



HARGA diesel di semua stesen minyak di Semenanjung ditetapkan pada hadar RM1.25 setiap mengikut harga pasaran tanpa subsidi.

PENYASARAN SUBSIDI NEGARA

Dasar dipersetujui sejak 25 tahun lalu

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi
amu@hmetro.com.my

Putrajaya

Penyasaran subsidi negara yang dilaksana ketika ketika ini sebenarnya dasar yang sudah dibincang dan dipersejui sejak 25 tahun lalu.

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, namun langkah terbabit tidak dilaksana kerana pimpinan waktu itu lebih memikirkan soal survival politik di samping penyasaran subsidi ini sendiri tidak mudah dijalankan.

"Dasar (penyasaran subsidi) baik. Semua perdana menteri dari dulu setuju mesti ada penyasaran subsidi. Perkara ini dibincang-

kan ketika saya jadi menteri kewangan dulu."

"Lebih 25 tahun lalu sudah dibincangkan perlunya penyasaran subsidi, tapi tak upaya dilakukan kerana tak mudah. Biasanya pemimpin politik ini dia fikir kesan kepada pimpinan."

"Apa pun kalau tarik subsidi atau naikkan cukai memang membebani. Iru pandangan politik," katanya ketika berucap pada Majlis Perhimpunan Bulanan Kementerian Kewangan (MOF), di sini, semalam yang turut dihadiri Menteri Kewangan II Senator Datuk Seri Amir Hamzah Azizan.

Mengulas lanjut, Anwar berkata, kerajaan yakin

langkah yang diputuskan ini baik khususnya untuk memastikan subsidi negara hanya diberi kepada mereka yang layak.

"Dalam pertimbangan kita (kerajaan), kita sudah buat keputusan yang baik laju sementara kita harus bantu rakyat majoriti, kita tak seharusnya beri subsidi kepada golongan maha kaya, industri besar dan orang asing."

"Bukan diskriminasi kepada orang asing kerana orang asing tak bayar cukai, cukai levi yang sangat kecil."

"Kita teliti dan dalam jumlah Menteri pun hampir setiap minggu mendapat

liputan dan perkembangan untuk pastikan pelaksanaan (penyasaran subsidi) ini berkesan," katanya.

Dit samping itu Anwar berkata, beliau menerima segala kritikan serta kemanan atas keputusan dibuat kerajaan dalam menyusun semula agihan subsidi negara.

"Selain parti dalam Kerajaan Perpaduan, setakat ini nampak kenyataan dari pimpinan Pas agak lunak, tidak menentang hanya memantau, tiada masalah kerana pembangkang harus pantau pelaksanaan dan kita juga harus pantau."

"Oleh itu, kita perlu faham bahawa langkah sebaiknya ialah memberi bantuan kepada yang berhak."

"Tanggungjawab perta-

ma kita adalah kepada warganegara kita," katanya.

Sejak kelmarin, media sosial dipenuhi dengan pelbagai pandangan netizen mengenai keputusan kerajaan mengapungkan harga diesel.

Langkah penyasaran terbaharu itu dibuat selepas kerajaan sebelum ini juga membuat penyasaran ke atas tarif elektrik selain subsidi kepada ayam berjumlah RM1.2 billion setahun dimansuhkan.

“Semua PM dari dulu setuju mesti ada penyasaran subsidi”
Anwar

Harga diesel naik 56 peratus!

AWANG bukanlah pakar ekonomi. Awang tak perlu jadi bijak pandai ekonomi untuk buat ramalan kesan kenaikan harga diesel sampai 56 peratus.

Segala alat pengangkutan bawa barang, makanan dan lain-lain guna kenderaan berdiesel. Bodohlah sesiapa yang yakin bahawa kenaikan harga diesel tak ada kesannya pada ekonomi.

Awang faham kerajaan nak kurangkan beban subsidi. Khabarnya kerajaan tanggung subsidi sampai RM80 bilion setahun. Kerajaan Madani sekarang sedang buat pelan nak kurangkan beban itu. Memang bagus sangat pelan atas kertas.

Kerajaan patut tahu keutamaan mana sektor nak dikurangkan subsidi. Sudah

*Awang
Paku
Serpik*



Muncul setiap Rabu dan Sabtu

tentulah diesel tak patut jadi sasaran utama.

Diesel itu kunci segala-galanya. Diesel naik, harga pengangkutan naik, harga barang pasti naik. Itu *common sense* kata orang putih. Tak payah sekolah tinggi atau jadi menteri untuk tahu hal itu.

Awang nak ingatkan mereka yang di atas-atas itu, mana ada kerajaan dalam dunia yang nak kurangkan subsidi masa ini.

Lembu di negara-negara Kesatuan Eropah (EU) juga diberikan subsidi. Petani di negara-negara kaya diberikan subsidi. Jadi tentulah Awang rasa pelik sasaran kerajaan nak kurangkan beban subsidi bermula dengan bahan yang akan jadi punca utama kenaikan harga barang bagi rakyat!

Kadar tambang bas tidak patut naik

Pengusaha bas sekolah dan ekspres tidak terjejas kerana diberi subsidi diesel

Oleh SYAJARATULHUDA
MOHAMAD ROSLI
GEORGE TOWN

Pengusaha bas sekolah dan bas ekspres tidak sepatutnya menaikkan kadar tambang susulan pengumuman kenaikan harga diesel di semua stesen runcit di Semenanjung Malaysia berkuatkuasa pada 10 Jun lalu.

Menteri Pengangkutan, Anthony Loke Siew Fook berkata, pengusaha bagi kedua-dua jenis bas itu tidak terkesan dengan kenaikan bahan api tersebut kerana diberi subsidi diesel.

"Kenaikan kadar tambang tak sepatutnya berlaku. Subsidi diesel ini terus diberikan kepada peng-

usaha bas ekspres dan bas sekolah. Mereka tidak terkesan susulan daripada kenaikan harga diesel.

"Mereka diberikan kad fleet dan harga Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS) 1.0 iaitu pengusaha bas ekspres dan sekolah kekal pada harga RM1.88 se-liter.

"Jadi apa yang mendorong mereka nak naikkan harga? Jika soal ini digunakan sebagai alasan untuk menaikkan harga tambang bas sekolah atau bas ekspres, itu tidak sepatutnya berlaku," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas merasmikan Mesyuarat Pegawai-Pegawai Pengangkutan Kanan ASEAN (STOM) ke-57 pada Selasa.

Mengulas lanjut, beliau berkata, bagi bas ekspres, kadar tambang tidak boleh dinaikkan sesuka hati kerana ia di bawah seliaan Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD).



ANTHONY

"Bagi bas sekolah pula, kita tidak kawal harganya cuma kita galakkan perbincangan antara pengusaha bas sekolah dengan pihak Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG)."

"Sementara itu, bagi bas persiaran, ia adalah untuk kegunaan untuk pelancongan iaitu bagi pelancong asing bukan untuk kegunaan harian, jadi tidak ada subsidi untuk sektor pelancongan."

"Kos pelancongan di negara kita memang cukup kompetitif, mungkin ada sedikit kenaikan kos untuk pelancong asing namun saya rasa ia boleh diterima oleh mereka," katanya.

Sebelum ini, ada desas-desus mengenai kemungkinan berlaku kenaikan tambang bas ekspres, bas sekolah dan bas persiaran selepas pengumuman kenaikan harga diesel di Semenanjung yang melebihi 50 peratus bermula pada Isnin.

KPDN keluar notis kepada pihak naikkan harga perkhidmatan

PUTRAJAYA - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) akan mengeluarkan notis kepada mana-mana pihak yang menaikkan harga perkhidmatan susulan pelaksanaan penyasar-an subsidi diesel.

Menterinya, Datuk Armizan Mohd Ali berkata, serahan notis akan dilaksana di bawah Seksyen 21, Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011 untuk memastikan tidak berlaku pelarasan har-ga yang mempunyai elemen pencatutan.

Jelas beliau, berdasarkan kenyataan tular di me-dia sosial, KPDN akan membuat siasatan segera meliputi dua aspek iaitu sektor yang tidak termasuk dalam 33 jenis pengangkutan awam dan barang di bawah Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS) seperti perkhidmatan tunda kenderaan dan peng-hantaran barang binaan.

"Bagi sektor industri seperti pembinaan yang se-memangnya sejak dari dahulu tidak layak mengguna-kan diesel subsidi sebelum penyasaran subsidi di-laksanakan Isnin lalu, KPDN akan melaksanakan siasatan alasan mereka perlu menaikkan harga per-khidmatan sekarang," katanya.

Petani, pesawah layak terima subsidi diesel

NIBONG TEBAL - Golongan petani khususnya pesawah padi tidak akan terkesan dengan langkah penyasaran subsidi diesel kerana mereka layak menerima subsidi, kata Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu.

Mengakui wujud kekeliruan berhubung pemberian subsidi diesel dalam kalangan petani, beliau berkata, pihaknya akan turun padang memberikan penjelasan mengenai perkara itu.

"Subsidi diesel sedang berjalan, semua penanam padi yang menggunakan diesel diberikan subsidi. Pendaftaran sedang berjalan, saya yakin kekeliruan dan salah faham ini akan berlaku dalam masa sebulan dua ini sahaja," katanya.

Beliau menjelaskan, penyasaran subsidi diesel itu bukan bermaksud subsidi ditarik balik sebaliknya ia diberikan secara bersasar kepada golongan yang layak.

MITA rayu pertimbang subsidi diesel kepada bas persiaran

PUTRAJAYA - Persatuan Pelancongan Dalam Malaysia (MITA) merayu kerajaan memperluaskan subsidi diesel kepada pengusaha bas persiaran.

Presidennya, Leong Hoon Min

berkata, kenaikan RM1.20 per liter itu terlalu membebarkan pengusaha bas persiaran.

"Pelaksanaan subsidi diesel kepada bas korporat akan mewujudkan persaingan tidak sihat dalam industri

dengan wujudnya jurang perbezaan harga antara bas persiaran.

"Kerajaan perlu adil. Subsidi diesel dinikmati pengusaha bas persiaran di Sabah dan Sarawak perlu dipanjangkan ke Semenanjung," katanya.



Bantu kekal inflasi pada tahap rendah

Kebutuhan banjir kerjaan Perpaduan pimpinan Datuk Seri Anwar Ibrahim menggumarkan pelaksanaan penyelarasan subsidi diesel yang bermula lalu lalang menuju perbaiki reaksi termasuk kesamaan antara pihak-pihak yang tidak berpuas hati.

Walaupun menyedari segala kritik dan tahanaman negatif yang akan dilimpahkan kepada kerajaan, namun Anwar tegar menyatakan ia harus dilakukan kerana tidak lagi pihak lain untuk menyelamatkan negara.

Meskipun kenyataan semula Perdana Menteri terdahulu setuju dengan idea pelaksanaan penyelarasan subsidi, tetapi tidak takad politik untuk merasiasikurnya.

Mungkin pahit untuk dicerna, namun jika dilihat sebaliknya di sebalik kecaman, diauk masih terdapat impak positif yang belum dilihat daripada pengumuman kontroversi itu.

Antaranya Menteri Kewangan, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan berkata, penetapan harga diesel di semua stesen runcit di Semenanjung pada kadar RM1.35 seliter atau harga pasaran tanpa subsidi itu dianggarkan dapat menjaminkan pihak kerajaan sebanyak RM4 billion.



YEOH KIM LENG

Jumlah sebesar itu pastinya dapat dipelajari untuk lebih bersesuaian pengurusan negara timnasuk memahami buah perlindungan perkhidmatan disemua oleh rakyat antaranya infrastruktur seperti jalan raya, sekolah, perkhidmatan dalam sektor kesihatan seperti klinik dan ubat-

Penyelarasan subsidi juga ditakrifkan dengan mekanisme yang sebaiknya serta merata berantara golongan nasar yang perlu memang dibantu.



Subsidi dibentangkan kepada sektor-sektor yang sepadutnya dan berkaitan yang diperolehi atau diakur semula pada infrastruktur sekolah dan apa sahaja perkhidmatan yang sepadutnya dilaksanakan oleh kerajaan.

Malah menurut perkiraan perjimat RM4 billion subsidi tahunan diesel sama dengan kos membina 47 buah sekolah atau 13 buah hospital dengan mengambil kira kos membina sekolah berjumlah RM800 juta sebuah dan enggan kos membina hospital berjumlah RM300 juta sebuah.

Secara tidak langsung, hal ini memberi refleksi barawa penjimat besar yang terhasil daripada penyelarasan subsidi diesel ini amad bermakna untuk keselamatan rakyat negara ini.

Akhirnya lagi, kerajaan selama ini telah menanggung biaya melebihi RM35 billion bagi produk diesel dari tahun 2018 hingga tahun 2022.

Menyenut pula tertinggi insiatif di bawah Budji Madani, pembelian bantuan tunai RM200 sebulan kepada pemilik kendaraan diesel persekitaran bagi individu, petani kecil dan pekerja kios koroditi.

Mengikut kajian yang dilakukan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), bantuan sunai sebanyak RM200 sebulan itu dijangka memadai untuk menangguhkan kenaikan harga diesel berdasarkan perjimat kendaraan diesel sehingga 50 kilometer sehari dan dengan itu, sekali gus memenuhi keperluan kebanyak-

HARGA SELITER DIESEL DI ASIA TENGGARA

NEGARA	HARGA
Singapura	RM5.70
Myanmar	RM5.40
Filipina	RM4.70
Kamboja	RM4.04
Laos	RM4.50
Indonesia	RM4.43
Thailand	RM4.34
Vietnam	RM3.60
MALAYSIA	RM3.35
Brunei	RM1.09

Jumlah subsidi dan bantuan sosial kerajaan

TAHUN	JUMLAH SUBSIDI
2010-2015	RM8.3 billion
2016-2020	RM5.1 billion
2021-2025	RM28.0 billion
2026-2030	RM290.0 billion
2031-2035	RM208.6 billion
JENAMAH	RM547.6 billion

Sumber: Bank Negara Malaysia

an pemilik kendaraan diesel individu.

Pemimpin sektor logistik dan penjaga serta penaja kecil perlu menganggap subsidi yang diterima termasuk kerajaan itu sebagai trade off untuk tidak meningkatkan harga barang atau perkhidmatan.

Langkah berani

Berkongsi pandangan Profesor Ekonomi dan Pengarah Program Pengajian Ekonomi di Institut Jeffrey Cheah Asia Tenggara di Universiti Sutway, Dr Yeoh Kim Leng berkata, pelaksanaan penyelarasan subsidi diesel merupakan satu langkah berani dan dirancang teliti oleh kerajaan.

“Dibutuhkan otonomi fleksibiliti dalam memperbaiki golongan yang layak untuk Setarik Kawalan Diesel. Bersubsidi (SPDS) dan pertambahan subsidi tunai sebanyak RM200 sebulan bagi pemilik ketarik diesel dengan pendapatan tahunan RM100,000 dan kelewati.

“Walauupur peralihan daripada subsidi pukal kepada subsidi bersasar diesel tidak dinilai akan meningkatkan tekanan inflasi namun subsidi bersasar dan lengkap ban yang disertakan akan dapat membantu mengurangkan inflasi pada tahap yang rendah dan stabil,” katanya.

Rajah 3: Subsidi Tenaga berbanding Inisiatif Ekonomi & Sosial Lain di bawah Perbelanjaan Pembangunan pada 2022

RM Billion



Sumber: Bank Negara Malaysia

kepada Sinar Premium.

Tambah Kim Leng, walaupun penyasaran subordi diesel boleh dianggap satu tingkah kurang popular, namun ia merupakan tingkah signifikan yang perlu dilaksanakan oleh kerajaan.

Ia bertujuan mengurangkan subsidi besar dan tidak mempunyai sekali gus meletakkan kedudukan fiskal kerajaan di tahap yang lebih kukuh.

Ditanya bagaimana anggaran penjimatan RM4 bilion hasil pernyataan subsidi diesel tersebut boleh disalurkan untuk memberi lebih luas dan kesejahteraan kepada rakyat, Kim Leng berkata, ia boleh digunakan untuk meningkatkan perbelanjaan awam diantara pelbagai sektor.

"ini termasuk sektor pengangkutan, kesihatan dan pendidikan yang semestinya mempunyai impak lebih besar dan bermanfaat serta tahan lama terhadap ekonomi."

"Sebaloi tambahan, dengan pengurangan ketibaan dan isyarat harga pescara, terdapat kelebihan yang lebih besar dalam penggunaan sumber minyak dan gas negara," katanya.

Jelas Kim Leng, dengan peningkatan harga, pengguna

akan mengambil sijap lebih berhati-hati dan bertemu ramah, antaranya mengambil langkah penamat terlalu cepat penggunaan pengangkutan awam.

"Dengan penggunaan lebih rendah, sumber minyak dan gas negara yang semakin berkurang akan boleh dipelihara untuk tempoh yang lebih lama termasuk untuk generasi akan datang," katanya.

Tertulu Bergantung

Kim Leng yang juga Timbalan Presiden Persatuan Ekonomi Malaysia turut menjelaskan realiti Malaysia telah lama berbolong meledihi pendapatan sejak 1970 kecuali lima tahun.

Katanya, selama 48 tahun kewangan negara berada di tahap deficit. Mengambil belanjawan deficit bermakna kerajaan terpaksa meminjam.

"Seiring akhir 2022, jumlah keseluruhan hutang kerajaan ialah RM1.08 trillion ini tidak termasuk jaminan kerajaan ke atas sejumlah agensi-nya, yang jika dicampur menjadikan jumlah tanggungan keseluruhan hampir RM1.5 trillion."

"Berapa becikah RM1.5 trillon? Ia sama besarnya dengan

saiz ekonomi Malaysia. Kalau dibagi kepada 32 juta rakyat Malaysia, setiap daripada kita berhutang sebanyak RM4,675. Memparsi hutang yang besar memang membekabkan kewangan kerajaan," katanya.

Ujarnya, di Malaysia, subsidi telah menjadi sebahagian daripada ekonomi negara sejak berpuluh tahun sehingga rakyat sentiasa berharap kerajaan turus menyediakannya.

Ini kerana katanya rakyat tertulu blas dengan perihidmatan dan barang bersubsidi seolah-olah ia menjadi hak mereka yang tidak boleh dipasrahkan.

"Benikutan usaha kerajaan untuk membetulkan kedudukan kewangan negara dengan mengimbangi hasil dan perbelanjaan, limbu gesan agar sistem subsidi yang diambilkan sekarang cubalah."

"Salah satu cadangan pembaharuan utama ialah menggentikkan mekanisme subsidi pulsk yang memberi manfaat kepada semua termasuk golongan berpendapatan tinggi kerana satu saedah lebih fokus kepada keperluan golongan yang memerlukan bantuan," katanya.

FAKTA NOMBOR

47 BUAH

SEKOLAH

- Anggaran kos bina sekolah berjumlah **RM86 juta** sebanyak



RM4 BILION SUBSIDI

Perbelanjaan RM4 bilion subsidi tahunan iBesar sama dengan kos membangun 47 buah sekolah atau 13 buah hospital

13 BUAH

HOSPITAL

- Anggaran kos bina hospital berjumlah **RM300 juta** sebanyak



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

WARNING OVER PRICE INCREASES

THE Domestic Trade and Cost of Living Ministry is investigating firms that say they will raise prices because of the targeted diesel subsidy. The minister says the targets of the probe into profiteering include construction sector companies, which have never been eligible for subsidies in the first place.

- PM: Using 2008 video on campaign pledge to reduce fuel price shows poor understanding of basic economics
- There's a limit on diesel purchase with fleet card, says deputy finance minister

» REPORTS ON PAGES 2&3

TARGETED DIESEL SUBSIDY

'RM4B SAVED WILL BE SPENT ON THE PEOPLE'

